



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

TAJUK :

KEMEROSOTAN PEMBUATAN PUA KUMBU SECARA TRADISIONAL DALAM  
KALANGAN MASYARAKAT IBAN

BIBIANA MOTEY ANAK BILON@SENANG (29744)

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni )  
2014

**KEMEROSOTAN PEMBUATAN PUA KUMBU SECARA TRADISIONAL DALAM  
KALANGAN MASYARAKAT IBAN**

**BIBIANA MOTEY ANAK BILON@SEANG**

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan kepujian  
(Program Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....day of.....2014.

Student's Declaration:

**BIBIANA MOTEY ANAK BILON@SENANG, 29744, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**

- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled **KEMEROSOTAN PEMBUATAN PUA KUMBU SECARA TRADISIONAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN**

..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

\_\_\_\_\_  
Date submitted

**BIBIANA MOTEY (29744)**  
\_\_\_\_\_  
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **DR NORIA ANAK TUGANG** (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled **KEMEROSOTAN PEMBUATAN PUA KUMBU SECARA TRADISIONAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT IBAN** (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

**DR NORIA AK TUGANG**

Received for examination by: \_\_\_\_\_ Date: \_\_\_\_\_  
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where  
Research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
(2014)

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
(2014)

Current Address:  
Kuching, Sarawak

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

## PENGAKUAN

Projek yang bertajuk '**Kemerosotan Pembuatan Pua Kumbu Secara Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Iban**' telah disediakan oleh **Bibiana Motey Anak Bilon @Senang** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Disediakan oleh:

---

(BIBIANA MOTEY ANAK BILON@SENGANG)

Tarikh:

---

## **ABSTRAK**

Kajian ini fokus kepada kemerosotan pembuatan Pua Kumbu dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Kajian ini mengkaji pembuatan Pua Kumbu secara tradisional oleh masyarakat Iban di Sarawak. Melalui kajian ini, diharapkan agar pembuatan Pua Kumbu secara tradisional dapat dikekalkan bagi memastikan nilai seninya tidak hilang. Selain itu, dapatan penyelidikan nanti boleh membantu program yang sedia ada dalam bidang pemeliharaan Pua Kumbu yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada misalnya Tun Jugah Foundation.

## **ABSTRACT**

This research focuses on the decline of manufacturing of Pua Kumbu using a traditional method among the Iban community in Sarawak. This research also examines the traditional manufacturing of Pua Kumbu among Iban community in Sarawak. Through this research, it is expected that traditional manufacturing of Pua Kumbu was maintained to ensure that the arts is not lost. The research findings will help existing programs in the field of preservation Pua Kumbu conducted by organizations such as Tun Jugah Foundation.

## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada individu penting yang banyak membantu saya sepanjang saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini. Pertama sekali kepada penyelia saya iaitu Dr. Noria Tugang dan juga selaku Ketua Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau telah banyak memberikan bimbingan dan semangat kepada semua pelajar sepanjang kami dibawah seliaan beliau. Segala bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau amat saya hargai.

Sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada Aki Nicholas Bryan Anak Entarey, Puan Janet Rata Noel, Inik Meria Anak Liban serta Aki Abang Anak Entarey yang sudi berkongsi ilmu dan pandangan mereka dalam menyiapkan projek ini. Segala perkongsian ilmu dan maklumat amatlah dihargai. Saya amat menghargai jasa mereka kerana telah membantu saya untuk melengkapkan data dan menyiapkan projek ini.

Seterusnya, terima kasih juga kepada insan yang amat berharga dalam hidup saya iaitu ibu bapa saya Encik Senang Anak Abang serta ibu saya iaitu Puan Mereka Anak Nyawai kerana memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang Projek Tahun Akhir ini disiapkan. Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kerana memberikan saya bantuan dari segi kewangan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan projek masing-masing. Bantuan kalian dari segi informasi terkini mengenai projek ini amat saya hargai. Budi kalian yang sanggup meluangkan masa untuk memberikan saya maklumat tidak akan saya lupakan. Akhir sekali terima kasih kepada



pihak-pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang proyek saya dijalankan dan dibentangkan.

## ISI KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>                                | <b>HALAMAN</b> |
|-----------------------------------------------|----------------|
| <b>ABSTRAK</b>                                |                |
| <b>PENGHARGAAN</b>                            |                |
| <b>BAB 1 :PENDAHULUAN</b>                     |                |
| 1.1 Pengenalan                                | 1 - 2          |
| 1.2 Definisi Pua Kumbu                        | 3              |
| 1.3 Permasalahan Kajian                       | 3 – 4          |
| 1.4 Objektif Kajian                           | 5              |
| 1.5 Hipotesis                                 | 5 - 7          |
| 1.6 Skop Kajian                               | 7              |
| 1.7 Lokasi Kajian                             | 8              |
| 1.8 Kepentingan Kajian                        | 8 - 10         |
| <b>BAB 2 :SOROTAN KAJIAN</b>                  |                |
| Pengenalan                                    | 11             |
| 2.1 Perkaitan Dengan Latar Belakang Kaum Iban | 11 - 13        |
| 2.2 Perkaitan Dengan Kajian                   | 14             |
| 2.3 Perkaitan dengan Pua Kumbu                | 15 - 19        |
| 2.4 Rumusan                                   | 20             |

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

|                      |         |
|----------------------|---------|
| 3.1 Pengenalan       | 21      |
| 3.2 Sumber Data      | 21 - 23 |
| 3.3 Populasi         | 24 - 25 |
| 3.4 Persampelan      | 26      |
| 3.5 Instrumen Kajian | 26      |

### **BAB 4: ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

|                                                                             |         |
|-----------------------------------------------------------------------------|---------|
| 4.1 Pengenalan                                                              | 27      |
| 4.2 Tempoh Penghasilan Pua Kumbu Asli                                       | 27 - 29 |
| 4.3 Penglibatan Informan Dalam Perusahaan Pua Kumbu Asli                    | 29 - 30 |
| 4.4 Penghasilan Motif Pua Kumbu Asli                                        | 30 - 32 |
| 4.5 Kos Penghasilan Pua Kumbu Asli                                          | 32      |
| 4.6 Harga Pua Kumbu Asli                                                    | 33      |
| 4.7 Penentuan Harga Pua Kumbu Asli                                          | 33      |
| 4.8 Bahan dan peralatan untuk membuat Pua Kumbu Asli                        | 34 - 36 |
| 4.9 Proses-proses Membuat Pua Kumbu Asli                                    | 37      |
| 4.9.1 Peringkat-peringkat Penghasilan Pua Kumbu Asli                        | 37 -45  |
| 4.10 Pandangan informan mengenai Pua Kumbu Asli dan Pua Kumbu Cetak         | 46      |
| 4.11 Faktor Pemilihan Pua Kumbu Cetak dalam kalangan Responden              | 46      |
| 4.12 Faktor Penyebab Generasi Muda Tidak Terlibat Dalam Pembuatan Pua Kumbu | 47 - 49 |
| 4.13 Latar Belakang Responden                                               | 50      |
| 4.13.1 Jantina                                                              | 50      |

|                                                                                                      |         |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 4.13.2 Umur Responden                                                                                | 51      |
| 4.13.3 Agama dan Kepercayaan                                                                         | 52      |
| 4.13.4 Status Perkahwinan                                                                            | 53      |
| 4.13.5 Pekerjaan                                                                                     | 53      |
| 4.14 Pengetahuan Responden Tentang Pua Kumbu                                                         | 54      |
| 4.14.1 Responden yang Mengenali Seni Ikat Pua Kumbu                                                  | 54 - 55 |
| 4.14.2 Tempoh Responden Mengenali Pua Kumbu                                                          | 55      |
| 4.14.3 Pendedahan Tentang Pua Kumbu                                                                  | 56      |
| 4.14.4 Pembuatan Pua Kumbu Secara Tradisional                                                        | 57      |
| 4.14.5 Responden yang Pernah Menyaksikan Ritual Pua Kumbu                                            | 58      |
| 4.15 Penggunaan Pua Kumbu Asli Dalam Kalangan Responden                                              | 58 - 59 |
| 4.15.1 Pembelian Pua Kumbu Cetak Dalam Kalangan Responden                                            | 59      |
| 4.15.2 Penggunaan Pua Kumbu Cetak Dalam Kalangan Responden                                           | 60      |
| 4.15.3 Faktor-faktor Responden Memilih Untuk Membeli dan Menggunakan Pua Kumbu Cetak                 | 61      |
| 4.16 Tinjauan Mengenai Perusahaan Pua Kumbu                                                          | 62      |
| 4.16.1 Masyarakat Iban Kurang Berminat Melibatkan Diri Dalam Perusahaan Pua Kumbu Secara Tradisional | 62 - 63 |
| 4.16.2 Pembuatan Pua Kumbu Secara Tradisional Mengambil Masa Yang Lama dan Rumit                     | 64      |
| 4.16.3 Faktor Agama (Kristian)                                                                       | 65 – 66 |

4.16.4 Kekangan Masa Menyebabkan Generasi Sekarang Tidak Bergiat Dalam Perusahaan Pua Kumbu Secara Tradisional 66 - 67

4.16.5 Tahap Kemahiran 67 - 68

4.16.6 Masa Depan Pua Kumbu 68 - 69

4.17 Dapatan Kajian 70

4.18 Rumusan 71

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Kesimpulan 72 - 73

5.2 Cadangan 74

5.2.1 Cadangan Kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Dalam Negeri 74

5.2.2 Cadangan Kepada Institusi-Institusi Pendidikan 75

5.2.3 Cadangan Kepada Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan 75

5.2.4 Cadangan Kepada Pengkaji Yang Akan Datang 75 - 76

### **Glosari**

### **Senarai Rujukan**

**Lampiran**

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Sarawak Bumi Kenyalang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan warisan dan budayanya. Kepelbagaian warisan dan budaya ini adalah sumbangan daripada kaum etnik yang terdapat di Sarawak. Dari sudut geografi, Sarawak terletak di Kepulauan Borneo dan merupakan negeri yang terbesar di Malaysia. Menurut kajian, terdapat kira-kira 25 kaum etnik terdapat di negeri yang pernah dijajah oleh keluarga Brooke suatu ketika dahulu.

Kaum Iban atau turut dikenali sebagai Sea Dayak merupakan kaum yang terbesar di Sarawak. Menurut Sandin (1967), kaum Iban adalah berasal dari Lembah Sungai Kapuas yang kini dikenali sebagai Kalimantan yang berhampiran dengan negeri Sarawak. Namun demikian, disebabkan oleh kedudukan geografi yang berdekatan dengan negeri Sarawak, maka kaum ini melakukan migrasi ke Sarawak kira-kira pada pertengahan abad ke-16. Kumpulan terawal yang datang ke Sarawak berpusat di Lubok Antu, Sri Aman atau dikenali sebagai Simanggang suatu ketika dahulu (Margeret Linggi, 1999). Mereka seterusnya bermigrasi ke tebingan sungai seperti Sungai Batang Lupar dan seterusnya berkembang ke Sungai Sadong, Sungai Rajang dan banyak lagi (Blehant 1997).

Masyarakat Iban menjalankan aktiviti harian seperti menanam padi bukit, memburu dan menternak binatang untuk tujuan sara diri. Pada masa yang sama, mereka turut mengisi masa lapang dengan menghasilkan pelbagai jenis hasil anyaman seperti tikar 'bemban', raga dan sebagainya. Namun demikian, pembuatan sejenis kain atau selimut yang dikenali sebagai *Pua Kumbu* merupakan antara aktiviti yang amat mencabar mental dan fizikal pembuatnya

yang terdiri daripada wanita kaum Iban. *Pua Kumbu* dihasilkan secara tradisional menggunakan bahan-bahan yang diperolehi daripada tumbuhan semula jadi.

Sepanjang sejarah, wanita telah dikaitkan dengan seni tekstil. Tidak kira apa bahan-bahan yang digunakan, tidak kira apa yang membentuk budaya dirujuk, penyertaan mereka kekal berterusan dalam mempengaruhi, membentuk dan berkembang dengan pelbagai teknik yang berbeza-beza.

Apabila seseorang mengkaji sastera sejarah dan antropologi, hakikat ini jarang diiktiraf atau diturunkan kepada kepentingan budaya yang agak tidak penting. Oleh itu, ia tidak hairanlah bahawa walaupun banyak yang telah ditulis mengenai budaya Iban, penekanan tetap pada aktiviti yang didominasi lelaki. Hasilnya, sangat sedikit penyelidikan telah dibuat ke dalam sumbangan wanita kepada aspek teknikal menenun, terdapat kajian sedikit pua kumbu dalam konteks budaya dan sosial.

Dalam kajian ini, fokus adalah kepada kemerosotan pembuatan Pua Kumbu dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Kajian ini akan cuba untuk mengkaji pembuatan Pua Kumbu secara tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak. Hal demikian kerana, penghasilan Pua Kumbu secara tradisional semakin berkurangan. Hal tersebut berlaku adalah berpunca faktor sosial, ekonomi, politik, pendidikan dan teknologi. Selain daripada itu, pencetakan Pua Kumbu yang semakin berleluasa sama ada di dalam mahupun di luar negeri terutamanya Indonesia menyebabkan pembuatan Pua Kumbu tidak dihasilkan secara tradisional lagi.



## **1.2 Definisi *Pua Kumbu***

*Pua Kumbu* merupakan perkataan dalam Bahasa Iban iaitu kata nama khas untuk barangan tekstil kaum yang terbesar di Sarawak ini. Selain itu, *Pua Kumbu* juga merupakan dua perkataan yang memberi nama yang sama kepada satu benda. *Pua* bermaksud penutup atau selimut. Manakala *kumbu* pula bermaksud ‘penutup’ atau ‘selimut’ tetapi ia merujuk kepada proses *ikat* atau *kebat*.

Menurut legenda, kira-kira 24 generasi yang lalu, Singalang burung, Tuhan Peperangan, mengajar cucunya Surong Gunting penggunaan yang paling suci semua *pua*, *Lebur Api*, selepas tempoh peperangan. Tradisi telah ditetapkan bahawa kepala yang dipenggal dalam peperangan harus diterima dengan upacara meletakkan kepala musuh yang sudah dipenggal di atas *Pua Kumbu*, yang perlu berwarna merah dan ditunen menggunakan teknik khas (*ikat*). *Pua* ini telah ditunen di Batu Gelong tempat kediaman rumah panjang dewi menunen, Kumang Indai Abang dan Lulong. *Tarum* dan tumbuhan lain yang digunakan untuk mewarna benang telah ditanam di sekeliling rumah panjang.

## **1.3 Permasalahan Kajian**

*Pua Kumbu* tidak lagi dihasilkan dengan kaedah tradisional seperti yang dilakukan oleh kaum wanita Iban pada suatu ketika dahulu. Hal demikian menyebabkan seni pembuatan *Pua* tersebut tidak dapat dikekalkan lagi. Masalah ini berlaku disebabkan oleh generasi muda pada era modenisasi ini kurang didedahkan dengan kepentingan *Pua Kumbu* dan juga proses pembuatannya. Pada pendapat mereka pembuatan *Pua Kumbu* secara tradisional dan moden tiada bezanya, asalkan corak *Pua Kumbu* tersebut masih sama. Namun demikian, tanpa

mereka sedari, penghasilan Pua Kumbu yang hanya ‘dicetak’ hanya merosakkan nilai seni yang terdapat pada Pua tersebut.

Mutakhir ini, masyarakat Iban terutamanya golongan muda tidak berminat untuk menghasilkan Pua Kumbu disebabkan oleh kekangan agama yang bertentangan dengan budaya kaum etnik ini (agama Kristian). Pua Kumbu tidak lagi diperlukan kerana masyarakat Iban majoritinya tidak lagi mengamalkan upacara ritual yang memerlukan Pua Kumbu. Pada masa yang sama, proses pembuatan Pua Kumbu juga memerlukan ritual yang tertentu. Sesuai dengan peredaran zaman, mereka menganggap Pua Kumbu harus dihasilkan dengan cara yang mudah dan cepat serta mampu dimiliki oleh semua orang tidak kira pangkat dan umur.

Selain itu, pembuat Pua Kumbu secara tradisional juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan tumbuhan yang diperlukan untuk menghasilkan warna. Pada suatu ketika dahulu, tumbuh-tumbuhan seperti engkudu, lemba dan tarum mudah untuk diperolehi kerana rumah-rumah panjang kaum Iban berdekatan dengan hutan dan sungai. Namun demikian, disebabkan oleh peredaran zaman, tumbuh-tumbuhan tersebut sukar untuk didapati. Hutan-hutan ditebang untuk tujuan pembalalakan, pembangunan dan pertanian. Oleh itu, tumbuh-tumbuhan yang renek seperti *tarum* dan *lemba* sukar untuk diperolehi. Hal demikian menyebabkan para pembuat Pua Kumbu sukar untuk mendapatkan bahan-bahan semula jadi itu. Tambahan pula, generasi muda pada zaman moden ini tidak dapat mengenalpasti jenis-jenis tumbuhan yang diperlukan itu. Masalah ini menyebabkan minat pembuat Pua Kumbu tidak dapat diteruskan.

## 1.4 Objektif Kajian

Dalam proses membuat penyelidikan dan kajian, terdapat beberapa objektif yang harus difikirkan sebagai panduan pengkaji. Objektif penting untuk menentukan hala tuju kajian mengikut arah tuju yang diberikan oleh objektif. Hala tuju ini dapat mengelakkan kita daripada tersasar atau menyimpang dari tajuk atau kehendak kajian. Antara objektif yang dikenalpasti ialah:

- ❖ Mengenalpasti faktor masyarakat Iban tidak lagi bergiat aktif dalam perusahaan Pua Kumbu.
- ❖ Mengkaji kemerosotan pembuatan Pua Kumbu secara tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Iban di Sarawak.
- ❖ Mengkaji langkah memperkembangkan dan usaha mempertahankan pembuatan Pua Kumbu secara tradisional.

## 1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis bermaksud satu kenyataan sementara yang menyatakan pertalian antara dua atau lebih pemboleh ubah. Hipotesis hadir dalam bentuk kenyataan (Kerlinger 1997). Setelah menjalankan kajian, pengkaji telah menentukan objektif dan golongan sasaran. Maka, bagi mengukuhkan lagi kajian ini, pengkaji telah menentukan hipotesis kajian. Hipotesis yang diperolehi adalah seperti berikut:

- ❖ **‘Pua Kumbu Semakin Kurang Dihasilkan Melalui Kaedah Tradisional’**

K keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti ekonomi, pendidikan, politik dan agama. Dari segi ekonomi, pada zaman teknologi ini, banyak mesin canggih dan

kilang-kilang yang mampu menghasilkan 'Pua Kumbu' secara moden iaitu hanya dengan mencetak fabrik lain dengan menggunakan corak Pua Kumbu yang asal. Oleh hal demikian, masyarakat Iban pada masa kini tidak lagi menghasilkan Pua Kumbu secara tradisional kerana pua yang moden lebih mudah dan cepat diperolehi kesan daripada proses pengkomersilan yang pesat.

Manakala dari aspek pendidikan pula, kebanyakan generasi muda pada masa kini melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat universiti. Situasi ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan zaman dahulu di mana golongan muda hanya tinggal di kampung (rumah panjang) dan membantu ibu bapa mereka bercucuk tanam. Majoriti anak perempuan Iban pada masa dahulu berkahwin dalam usia yang amat muda. Namun begitu, peredaran zaman mengubah cara berfikir masyarakat Iban. Mereka sangat mementingkan pendidikan daripada yang lain. Maka, disebabkan oleh sikap masyarakat yang sangat mementingkan ilmu pengetahuan, generasi muda tidak mengambil peduli tentang seni budaya dan warisan kaum mereka sendiri. Mereka tidak berminat untuk mempelajari teknik-teknik tradisional penghasilan Pua Kumbu seperti yang dilakukan oleh nenek moyang mereka suatu ketika dahulu. Masyarakat zaman sekarang lebih mementingkan hiburan seperti Facebook, Twitter dan sebagainya untuk mengisi masa lapang. Bagi mereka, jika mereka melakukan kerja-kerja tradisional, mereka dianggap ketinggalan zaman dan tidak berpelajaran tinggi.

Seterusnya dari aspek agama pula, masyarakat yang telah menganut agama Kristian tidak lagi mengamalkan upacara ritual seperti *Bebiau*, *Miring*, *Belian*, *Nimang* dan sebagainya. Maka, secara tidak langsung, mereka juga tidak lagi menggunakan Pua Kumbu dalam kehidupan mereka. Di samping itu, upacara-upacara ritual itu juga dikatakan bertentangan dengan agama mereka (agama Kristian). Oleh itu, apabila tiada lagi upacara-

upacara ritual diadakan, ini bermakna Pua Kumbu tidak diperlukan lagi. Maka, ini menyebabkan kaum wanita Iban tidak mahu menghasilkan seni tekstil ini.

Dari aspek politik pula, dasar kerajaan yang menempatkan peluang pekerja di kawasan bandar, menyebabkan ramai yang berhijrah ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan pendidikan. Masyarakat Iban tidak ketinggalan untuk mengikuti proses pemajuan yang pesat di negara kita. Ramai yang berhijrah dari luar bandar ke kawasan bandar seperti Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. Malah ada juga yang bekerja di luar negeri dan luar negara.

Fenomena yang melanda negara ini menyebabkan ramai generasi muda yang tidak didedahkan dengan seni budaya dan warisan kaum masing-masing. Sehingga ramai yang tidak tahu apa itu 'Pua Kumbu' dan bagaimana cara untuk menghasilkannya. Sesetengah daripada mereka menganggap pembuatan pua adalah sama dengan proses pembuatan batik dan yang lain-lain. Persepsi ini ternyata salah. Mereka yang tinggal di kawasan bandar yang penuh dengan bangunan pencakar langit dan tidak pernah menjejak kaki ke rumah panjang sudah pasti tidak tahu bagaimana seni Pua Kumbu dihasilkan.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian tertumpu kepada masyarakat Iban yang berada di kawasan Saratok, Betong, Sarawak. Kajian tertumpu kepada masyarakat Iban yang masih giat menghasilkan Pua Kumbu secara tradisional.

## **1.7 Lokasi Kajian**

Dalam melakukan kajian, pengkaji akan pergi ke beberapa buah tempat untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan lengkap. Lokasi kajian yang dipilih pengkaji adalah di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Lokasi ini dipilih kerana terdapat banyak bahan untuk mencari data sekunder. Data yang dimaksudkan adalah data yang terkandung di dalam buku, jurnal, majalah dan sebagainya.

Pengkaji memilih lokasi ini adalah kerana Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) kerana PKMA menyimpan banyak buku dan bahan kajian yang mempunyai kaitan dengan Pua Kumbu, asal usul kaum Iban dan budaya mereka. Kebanyakan buku-buku yang diperoleh sangat membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian dan sedikit sebanyak ilmu pengkaji tentang budaya dan warisan kaum Iban.

Selain itu, pengkaji juga membuat penyelidikan di Tun Jugah Foundation untuk mengumpul data berkenaan Pua Kumbu, mengambil gambar dan menemu bual individu yang terlibat dalam penghasilan Pua Kumbu. Pengkaji memilih tempat ini sebagai lokasi kajian kerana mudah untuk mendapatkan buku mengenai Pua Kumbu dan adat masyarakat Iban.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

### **❖ Kepentingan Kepada Masyarakat Iban**

Terdapat beberapa kepentingan yang boleh diperolehi daripada kajian ini. Selepas selesai, kajian ini dapat menyalurkan ilmu tentang budaya dan warisan kaum Iban kepada golongan masyarakat Iban terutamanya tentang pentingnya pembuatan Pua Kumbu secara tradisional.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Iban tentang pentingnya memelihara dan memulihara seni pembuatan Pua Kumbu. Jika kajian ini tidak dijalankan, generasi muda akan datang tidak akan belajar untuk menghargai budaya dan warisan mereka sendiri. Dengan wujudnya kesedaran dalam kalangan masyarakat Iban, sudah tentu ada yang akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini suatu hari nanti.

#### ❖ Kepentingan Kepada Perkembangan Pua Kumbu

Melalui kajian ini, pembuatan pua kumbu secara tradisional dapat dikekalkan bagi memastikan nilai seninya tidak hilang. Seni yang dimaksudkan adalah seni tenunan, penghasilan warna dan penghasilan corak pua tersebut dengan hanya menggunakan tumbuh-tumbuhan semula jadi.

Selain itu, diharapkan selepas ini, terdapat lebih ramai lagi individu yang melibatkan diri dalam aktiviti komersial dengan menghasil Pua Kumbu yang ditunen sendiri oleh pembuat agar seni Pua Kumbu jauh lebih cantik, menarik dan berkualiti tinggi. Dengan majunya industri tersebut, diharap Pua Kumbu dapat diperkenalkan sehingga ke peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

#### ❖ Pembuatan pua kumbu secara tradisional dapat dikekalkan bagi memastikan nilai seninya tidak hilang.

Dengan adanya kajian tentang bidang penghasilan Pua Kumbu, pengkaji berharap dapat mencari jalan penyelesaian untuk mengekalkan tradisi pembuatan Pua Kumbu secara tradisional ini. Pengekalan pembuatan dengan kaedah tradisional ini harus diteruskan bagi memastikan nilai seni yang ada pada Pua Kumbu dapat dipelihara dan diteruskan oleh generasi akan datang.

❖ Sebagai sumber rujukan pada masa akan datang

Kajian ini juga penting untuk pengkaji yang akan datang. Mungkin ada generasi yang akan datang berminat untuk mengkaji tentang bidang penghasilan Pua Kumbu atau ingin meluaskan lagi kajian dalam bidang ini. Maka dengan adanya kajian ini, mereka dapat menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan mereka.